

Penuntut jangan langgar peraturan universiti - Ismail

UM 18.9.2013 26

LABUAN 17 Sept. - Pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antara-bangsa Labuan (UMSKAL) diingatkan supaya tidak melakukan perbuatan atau membabitkan diri dalam aktiviti menyalahi peraturan universiti dan undang-undang negara.

Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali berkata, penglibatan pelajar dalam kegiatan kurang sihat itu hanya akan menjejaskan nama baik ramai pihak khususnya keluarga mereka.



ISMAIL ALI

“Sekiranya pelajar mempunyai masalah perlu merujuk kepada pihak yang berkenaan terutama Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP),” katanya ketika berucap dalam majlis Amanat Pengarah UMSKAL di Dewan Utama UMS Labuan, baru-baru ini,

Yang turut hadir Timbalan Pengarah UMSKAL, Dr. Geoffrey Harvey Tanakinjal; Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa

Labuan (SPKAL), Prof. Madya Dr. Syed Nasirin Zainal Abidin dan Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr. Awang Asri Awang Ibrahim.

Seramai 714 pelajar baru sesi pengajian akademik 2013/2014 termasuk 30 pelajar dari China mendaftar masuk di kampus tersebut.

Ismail berkata, pelajar harus berbangga kerana berpeluang melanjutkan pelajaran ke menara gading berbanding calon-calon lain di luar sana yang kurang bernasib baik untuk menjejaskan kaki ke institusi pengajian tinggi awam.

Katanya, pelajar wajar menggunakan ruang dan peluang yang hanya datang sekali ini untuk membuktikan pemilihan ke UMSKAL bukan satu kesilapan atau nasib semata-mata tetapi sememangnya layak berdasarkan kelayakan akademik dan kokurikulum di peringkat sekolah atau kolej matriculasi.



SEBAHAGIAN mahasiswa mendengar amanat dalam majlis Amanat Pengarah UMSKAL di Dewan Utama Universiti Malaysia Sabah, Labuan, baru-baru ini.